



## **SIARAN MEDIA**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

**BERKENAAN**

**MAJLIS TILAWAH DAN MENGHAFAZ AL-QURAN  
PERINGKAT ANTARABANGSA (MTHQA) KE-61  
TAHUN 1440H/ 2019M**

- 
1. Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) akan menganjurkan **Majlis Tilawah Dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Antarabangsa (MTHQA) Ke-61 Tahun 1440H/2019M** yang dijadualkan selama **6 hari bermula 9 hingga 14 Sya'ban 1440H bersamaan 15 hingga 20 April 2019 (Isnin hingga Sabtu)** bertempat di **Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC)** untuk julung-julung kali yang sebelum ini diadakan di **Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC)**.
  2. Sebagai makluman, **acara tilawah al-Quran** akan bermula pada **9 hingga 13 Sya'ban 14H bersamaan 15 hingga 19 April 2019 (Isnin - Jumaat)** jam **8.45 malam hingga 11.00 malam** manakala **acara menghafaz al-Quran** pada **10 hingga 12 Sya'ban 1440H bersamaan 16 hingga 18 April 2019 (Selasa - Khamis)** bermula jam **9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari**.

3. **Penganjuran Majlis Tilawah Dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Antarabangsa (MTHQA) Ke-61 ini adalah merupakan usaha berterusan Kerajaan Malaysia untuk meningkatkan syiar Islam sebagai rahmat bagi sekalian alam dengan membawa mesej keamanan dan kemakmuran berasaskan kepada Maqasid Syariah ke arah melahirkan Model Malaysia yang sesuai dengan keadaan, adat dan budaya bangsa Malaysia tanpa meninggalkan asas-asas Islam.**

#### **MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN DAN PENGURNIAAN HADIAH**

4. **Majlis yang berprestij ini akan disempurnakan oleh **Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke-16 Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah** sempena Majlis Perasmian Penutupan dan Pengurniaan Hadiah pada **14 Sya'ban 1440H** bersamaan **20 April 2019 (Sabtu) jam 8.45 malam.****

#### **KEJAYAAN MALAYSIA DALAM BIDANG AL-QURAN DI PERINGKAT ANTARABANGSA**

5. **Kejayaan Malaysia dalam bidang Al-Quran di peringkat antarabangsa pada tahun 2018 adalah amat memuaskan. Peserta Malaysia telah melakar kejayaan di pentas antarabangsa dalam acara tilawah dan hafazan termasuk yang dianjurkan oleh negara-negara majoriti bukan Islam. Antara kejayaan Malaysia adalah:**

- i) Dua orang peserta Malaysia iaitu **Muhammad Dzulfaqar bin Mohd Zaini dan Ahmad Luqman bin Ahmad Zaini** telah mendapat **tempat pertama masing-masing bagi kategori hafazan 20 juz dan 10 juzuk** sempena *The Annual Prince Sultan Bin Abdul Aziz Alu Suud Competition On The Memorization Of The Holy Quran And The Sunnah For Asia Pacific Countries Indonesia 2018* di **Indonesia**.
- ii) **Tuan Haji Azraie bin Hj Abdul Hak muncul Johan kategori tilawah** sempena *The 9th Session Of The Kuwait International Prize For Memorization, Recitation And Tajweed Of The Holy Quran* di **Kuwait**.
- iii) **Encik Abdul Wafi Azzaki bin Sinwan muncul Johan hafazan kategori 30 juzuk** sempena *First Eurasian Contest Of Reciters Of The Quran, Saratov, Rusia*

#### **JEMPUTAN NEGARA DAN PESERTA MTHQA KE-61**

6. Pada edisi 1440H/2019M ini, sejumlah **90 buah** negara termasuk Malaysia secara keseluruhan **telah dijemput** untuk menyertai Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Antarabangsa (MTHQA). Dari pada jumlah tersebut **23 buah negara telah dijemput untuk menyertai kategori Tilawah Al-Quran** di mana setiap negara berpeluang menghantar seorang Qari dan seorang Qariah. Malaysia akan diwakili oleh **Johan Qari dan Qariah Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan Tahun 2019** yang telah berlangsung di **Dewan Majlis Perbandaran Seremban, Negeri Sembilan** pada **10 hingga 15 Rejab 1440H** bersamaan **17 hingga 22 Mac 2019** yang lalu iaitu **Encik Abdul Khair Bin Jalil dari Negeri Selangor dan Cik Nor Farhatul Fairuzah Binti Panut (Negeri Sembilan)**

7. Manakala bagi **kategori Hafazan Al-Quran** pula, sebanyak **26 buah negara telah dijemput untuk menyertai dalam kategori ini** di mana kebanyakannya terdiri dari negara-negara Timur Tengah, Afrika dan beberapa negara yang lebih cenderung kepada hafazan al-Quran. Menerusi kategori ini, Malaysia akan diwakili oleh Johan Lelaki dan Wanita Kategori 30 Juzuk Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan Tahun 2019 yang lalu iaitu **Saudara Abdullah Ulwan bin Ismail dari Negeri Kelantan dan Saudari Raudah binti Abdul Razak dari Negeri Kedah.**
8. Sementara itu, sebanyak **41 buah negara dijemput secara pilihan terbuka**, dimana negara-negara tersebut boleh membuat pilihan sama ada mengemukakan peserta bagi Kategori Tilawah atau Kategori Hafazan.
9. Untuk makluman, bagi **kategori Tilawah Al-Quran** yang akan berlangsung selama **5 hari** bermula pada **9 - 13 Sya'ban 1440H** bersamaan **15 - 19 April 2019** ini melibatkan seramai **38 orang peserta yang melepasi tahap saringan dan bertanding di peringkat akhir.** Manakala bagi **kategori Menghafaz Al-Quran** yang akan berlangsung selama **3 hari** pada **10 - 12 Sya'ban 1440H** bersamaan **16 - 18 April 2019** pula melibatkan seramai **36 orang peserta yang melepasi tahap saringan dan bertanding di peringkat akhir.** Para peserta yang tiba di Malaysia akan melalui **sesi saringan awal** pada **12 hingga 14 April 2019** di hotel penginapan peserta.
10. Pada tahun ini juga penganjur telah menerima penyertaan kali pertama dari **tujuh buah negara** iaitu **Azerbaijan, Montenegro, Sweden, Norway, Austria, Kenya dan Ivory Coast.**

## **PENGHAKIMAN**

11. Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Antarabangsa Ke-61 pada tahun ini akan dihakimi oleh seramai **14 orang ahli jemaah hakim** dari pelbagai negara termasuklah **Malaysia, Arab Saudi, Mesir, Jordan, Indonesia, Singapura, Negara Brunei Darussalam dan lain-lain**. Bagi kategori Tilawah Al-Quran penghakiman akan dinilai dari aspek **Tajwid, Fasahah, Tarannum dan Suara**. Manakala bagi kategori Menghafaz al-Quran pula terdapat **aspek tambahan penilaian iaitu dari sudut hafazan dan kelancaran bacaan**.

## **HADIAH KEPADA PEMENANG**

12. *Alhamdulillah* pada tahun ini pemenang Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Antarabangsa (MTHQA) bagi kedua-dua kategori tilawah dan menghafaz akan menerima pelbagai hadiah menarik. Hadiah-hadiah yang ditawarkan kepada peserta adalah seperti berikut:

### **i) Kategori Tilawah Al-Quran:**

#### **Johan Qari dan Qariah:**

Kepingan Emas (*Gold Bar*) bernilai RM70,000.00 (Sumbangan YaPEIM)  
Piala Iringan dan Wang Tunai RM 40,000.00

**Naib Johan Qari dan Qariah:** Wang Tunai RM 30,000.00

Tempat Ketiga Qari dan Qariah: Wang Tunai RM 20,000.00

Tempat Keempat Qari dan Qariah: Wang Tunai RM 15,000.00

Tempat Kelima Qari dan Qariah: Wang Tunai RM 10,000.00

Hadiah Saguhati: Wang Tunai RM 3,000.00

Selain itu, setiap peserta akan menerima cenderamata dan sijil penyertaan.

## **ii) Kategori Menghafaz Al-Quran:**

### **Johan Hafiz dan Hafizah:**

Kepingan Emas (*Gold Bar*) bernilai RM 70,000.00 (Sumbangan YaPEIM) Piala Iringan dan Wang Tunai RM 25,000.00

**Naib Johan Hafiz dan Hafizah:** Wang Tunai RM 20,000.00

Tempat Ketiga Hafiz dan Hafizah: Wang Tunai RM 15,000.00

Hadiah Saguhati: Wang Tunai RM 3,000.00

Selain itu, setiap peserta akan menerima cenderamata dan sijil penyertaan

## **PENGHARGAAN PENAJA**

13. Pihak penganjur mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Penaja Utama iaitu **YaPEIM** kerana bersetuju untuk menyumbang hadiah Kepingan Emas (*Gold Bar*) kepada Johan Qari dan Qariah bagi kategori Tilawah Al-Quran serta menambah kadar nilai *gold bar* menjadikan RM 70,000.00 untuk Johan Menghafaz Lelaki dan Wanita.
14. Selain itu, pihak penganjur turut melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada para penaja MTHQA tahun ini iaitu **Primavalet Fashion Hub, Abdul Samad Al Qurashi (ASQ), Rakan Masjid Asy-Syakirin KLCC, Sekretariat Dakwah Korporat (SDK), Duopharma dan Yayasan Restu.**

## **TEMA PENGANJURAN MTHQA – “MENYANTUNI UMAT MEMBAWA RAHMAT”**

15. Pemilihan tema ini juga **sebenarnya amat bertepatan dengan usaha Kerajaan yang sentiasa konsisten** dalam menerapkan tiga (3) teras utama iaitu Rahmatan lil ‘alamin, Maqasid Syariah dan Model Malaysia dalam membentuk hubungan yang baik mengikut acuan syariat Islam ke atas ketamadunan ummah sehingga berupaya menyusun dan mengatur lanskap kehidupan masyarakat yang pelbagai dan mewujudkan konsep *Unity in Diversity* – penyatuan dalam kepelbagaian.
16. Penganjuran Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Antarabangsa secara tahunan oleh Kerajaan Malaysia menzahirkan komitmen pihak Kerajaan dalam menerapkan budaya minat membaca terhadap al-Quran dan memahami intipatinya serta mengaplikasikan tuntutan dan larangan Yang Maha Esa dalam amalan kehidupan kita seharian.

### **ACARA-ACARA MENARIK YANG LAIN**

17. Dalam masa yang sama, beberapa program telah diatur bagi menarik lebih ramai pengunjung hadir ke majlis ini. Antaranya pihak penganjur telah menyediakan :-
- i) **Pameran Bahan Al-Quran dari Muzium Keseniaan Islam, Kuala Lumpur**
  - ii) **Klinik Tadabbur Al-Quran**

- iii) **Klinik Tahsin Al-Quran**
  - **Pertandingan Penulisan Khat**
  - **Pertandingan Menyalin Semula Al-Quran**
- iv) **Seminar *World Convention Surah al-Kahfi***
- v) **Pertandingan Menulis Artikel Agama Mengenai Al-Quran Sebagai Sumber Ilmu dan Kehidupan (Terbuka kepada Islam dan bukan Islam)**

### **KERJASAMA RAKAN MEDIA DAN MASYARAKAT AWAM**

18. Sehubungan itu, **mohon jasa baik rakan-rakan media** untuk **membuat hebahan dan liputan** penganjuran Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Antarabangsa (MTHQA) Ke-61 Tahun 1439H/2018M yang dijadualkan selama **6 hari bermula 9 hingga 14 Sya'ban 1440H** bersamaan **15 hingga 20 April 2019 (Isnin - Sabtu)** bertempat di **Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.**
19. **Orang ramai adalah dijemput hadir** bagi menyaksikan secara langsung kehebatan bacaan para peserta dan kemeriahan penganjuran majlis ini. Selain itu, bagi **kategori Tilawah pada sesi malam** akan **ditayangkan secara langsung** menerusi saluran **RTM TV1, saluran TV Al-Hijrah** dan siaran langsung melalui radio **Nasional FM dan IKIM FM**. Beberapa radio RTM juga akan membuat lintas langsung iaitu **Salam FM (BM), KL FM (BM), Ai FM (Mandarin), Traxx FM (B. Inggeris), Minnal FM (Tamil) dan Asyik FM (Radio Orang Asli).**
20. Manakala bagi **kategori Menghafaz pada sesi pagi** akan dibuat **secara langsung** oleh pihak **TV Alhijrah**. Malah majlis ini juga boleh ditonton oleh masyarakat di seluruh dunia melalui **live streaming** di

**web TV Jakim** dengan melayari laman sesawang [www.tvjakim.my](http://www.tvjakim.my) dan juga **live streaming alhijrahmedia** dengan melayari laman sesawang [www.alhijrahmedia.com](http://www.alhijrahmedia.com).

Sekian

**YB DATUK SERI DR MUJAHID YUSOF**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**  
**28 REJAB 1440H / 4 APRIL 2019**